

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN.**

OKTOBER 2009

Adalah disyorkan bahawa Laporan Penyelidikan Projek ini yang di sediakan


oleh

MOHD FAEEZ B. ABU BAKAR

bertajuk

**LAPORAN KAJIAN AKHIR CADANGAN MEREKABENTUK RUANG DALAMAN
CLASSIC VOLKSWAGEN ONE STOP CENTER
DI LOT NO.1 JALAN PERINTIS U1/52, SEKSYEN U1, 40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN**

diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan :  Pn. Zarina Za'bar
Koordinator Khusus : _____ En. Muhammad Suhaimi B. Musa
Koordinator Program : _____ Prof. Madya Dr. Hj. Mohd Sabrizaa Abd. Rashid

ABSTRAK

Pembentukan sesebuah rekabentuk adalah berdasarkan apa yang dilihat, dikaji dan penelitian yang tajam bagi menghasilkan rekabentuk yang berjaya. Ia harus dilihat dari pelbagai aspek luaran atau dalaman. Projek akhir Rekabentuk Dalaman di peringkat Diploma ini adalah merupakan manifestasi terhadap kefahaman pelajar tentang seluruh aspek projek reka bentuk dalaman yang telah dipelajari dari peringkat paling asas hingga ke peringkat persembahan cadangan reka bentuk. Projek yang telah dipilih bagi projek akhir ini ialah cadangan mereka bentuk skema baru bagi Classic Volkswagen One Stop Center bertempat di No.1, Jalan Perintis U1/52, seksyen U1, 40150 Shah Alam Selangor. Objektif utama projek ini adalah untuk memberikan satu cadangan skim rekabentuk yang baru bagi sebuah pusat servis bagi kenderaan klasik disamping memberikan suasana yang praktikal, sistematik, dan berfungsi kepada pelanggan serta servis yang berkualiti. Selain itu, pemilihan projek ini juga adalah untuk mengetengahkan rekabentuk dan konsep baru yang meyakinkan para pelanggan untuk datang pusat servis kenderaan ini bagi mendapatkan khidmat baik pulih kenderaan. Sehubungan dengan itu juga, setelah terhasilnya rekabentuk dalaman yang baru bagi Classic Volkswagen One Stop Center, adalah diharapkan bahawa ia dapat menarik lebih ramai peminat kereta klasik keluaran syarikat Volkswagen untuk memiliki serta memelihara kenderaan ini. Disamping itu, ia dapat memperkembangkan lagi perniagaan di dalam bidang automotif yang dimiliki oleh Syarikat Concept Autopart Sdn. Bhd. Tema dan konsep juga diaplikasikan dalam ruang pusat servis kereta ini untuk menonjolkan lagi nilai estetika pusat tersebut. Konsep dan imej yang dicadangkan dijangka mampu memberi satu kesan yang baik dan juga boleh menjadi salah satu tarikan utama pada pelanggan untuk datang mendapatkan khidmat servis. Beberapa penyelidikan telah dijalankan bagi menjayakan projek akhir ini, antaranya termasuklah kajian pemilihan tapak, kajian temuramah, kajian pemerhatian, kajian kes dan kajian soal selidik. Kesemua kajian – kajian tersebut adalah bertujuan mengenal pasti kelemahan – kelemahan yang ada dan juga untuk mengatasi beberapa masalah yang timbul. Kajian – kajian yang telah dijalankan ini akan diterapkan di dalam proses reka bentuk, dengan tujuan mendapatkan satu reka bentuk yang menarik dan sesuai dengan imej korporat Classic Volkswagen One Stop Center samada dari segi fungsi dan nilai estetikanya. Konsep yang diterapkan di sini adalah ‘ **Interact :join, conect together (to act or have an effect on each other , co-operatively, espacialy so as to comunicate with each other)** ’ yang membawa maksud untuk mendapatkan sesuatu atau hasil untuk kebaikan bersama serta bekerja sama terutamanya dalam berkomunikasi antara satu sama lain. Konsep ini dipilih kerana objektif utama pusat ini didirikan adalah untuk menempatkan keseluruhan servis baik pulih untuk kenderaan klasik berada di bawah satu bumbung. Sebagai cabaran, saya akan cuba yang terbaik untuk melahirkan idea-idea untuk merekabentuk pusat servis kenderaan klasik ini agar ia mendapat tempat di hati orang ramai dan tidak lupa juga kepada peminat kenderaan klasik.

Abstrak	i
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii

	-	vii
--	---	-----

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB 1.0	PENDAHULUAN	1		
1.0	PENGENALAN	1		
1.1	KAEDAH KAJIAN	2		
1.2	MATLAMAT KAJIAN	3		
1.3	OBJEKTIF KAJIAN	4		
1.4	METADOLOGI KAJIAN	5		
	1.4.1 Kajian dan Temuramah	5		
	1.4.2 Pemerhatian	6		
	1.4.3 Internet	6		
1.5	KEPENTINGAN KAJIAN	7	-	8
BAB 2.0	KLIEN	9		
2.1	LATAR BELAKANG	9		

2.2	CARTA ORGANISASI	10		
2.3	VISI DAN MISI KLIEN	11		
2.4	IMEJ KORPORAT KLIEN	12		
2.5	RUMUSAN LATAR BELAKANG KLIEN	13		
BAB 3.0	KAJIAN DAN ANALISA	14		
3.1	ANALISA TAPAK	14		
3.1.1	Latar Belakang Tapak Projek	14	-	15
3.1.2	Pelan Kunci	16		
3.1.3	Pelan Lokasi	17	-	20
3.1.4	Kemudahan Dipersekitaran Tapak Cadangan	21		
3.1.4.1	Kemudahan Meletak Kenderaan	21	-	24
3.1.5	Orientasi Matahari Dan Arah Tiupan Angin	25		
3.1.5.1	Orientasi Matahari	25	-	26
3.1.5.2	Arah Tiupan Angin	27		
3.2	ANALISA BANGUNAN SEDI ADA	28		
3.2.1	Latar Belakang Bangunan	28		
3.2.2	Gambar Luaran Bangunan	29	-	31
3.2.3	Gambar Dalaman Bangunan	32	-	39



BAB 1.0

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

THE386 adalah salah satu matapelajaran yang perlu diambil oleh setiap pelajar diploma rekabentuk dalaman bagi mendapatkan Diploma dalam Rekabentuk Dalaman, Universiti Teknologi Mara. Pelajar perlu menyediakan report mengenai projek akhir mereka. Subjek thesis ini akan memuatkan setiap data dan informasi mengenai projek akhir seperti kaji selidik, kajian kes, maklumat latar belakang klien, proposal projek, proposal tapak, konsep, imej, dan perjalanan rekabentuk.

Tesis ini adalah tentang bagaimana untuk mengeluarkan sebuah skema rekabentuk yang baru bagi 'Classic Volkswagen One Stop Centre'. Projek ini adalah sebuah bengkel membaiki kenderaan (workshop) yang berkonsepkan 'One Stop Centre'. Kenderaan klasik keluaran Volkswagen seperti VW BEETLES & VW KOMBI masih lagi digunakan sehingga ke hari ini. Walaupun usia kenderaan ini telah ditelan zaman, ia tetap mempunyai peminat tersendiri yang sanggup mengeluarkan belanja yang besar untuk kenderaan ini.